



SIARAN MEDIA
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
BERKENAAN

PENGANJURAN PROGRAM GEMA SYUKUR 2026

30 DISEMBER 2025M / 9 REJAB 1447H

1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama 13 agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bakal menganjurkan Program Gema Syukur 2026 bertempat di Masjid Putra, Putrajaya pada 31 Disember 2025 hingga 1 Januari 2026. Penganjuran ini merupakan inisiatif strategik yang dilaksanakan bersama Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), MyFundAction dan Du'at Al-Falah serta disokong oleh Perbadanan Putrajaya. Selain itu, penglibatan pelbagai rakan strategik termasuk institusi masjid, agensi kerajaan Persekutuan dan pertubuhan bukan kerajaan yang aktif dalam bidang kebajikan, kemanusiaan dan pembangunan ummah melambangkan pendekatan "**whole of society**" dalam memperluas manfaat program kepada masyarakat.
2. **Program Gema Syukur 2026**, merupakan kesinambungan strategik yang diperkasakan secara menyeluruh berteraskan kejayaan penganjuran Gema Syukur 2025 yang telah menarik penyertaan ribuan masyarakat dari seluruh negara pada penghujung tahun lalu. Sambutan memberangsangkan, khususnya daripada golongan muda, membuktikan bahawa pendekatan pengisian kerohanian dan keilmuan semakin diterima sebagai satu keperluan dalam mendepani perubahan zaman, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan nilai insani secara holistik berteraskan prinsip ihsan, hormat, kesejahteraan dan keyakinan.
3. Oleh yang demikian, pengisian program Gema Syukur 2026 adalah seperti berikut:

Sesi Malam 31 Disember 2025 (Rabu)

- i. Bacaan Yasin & Doa Selamat
- ii. Tadabbur al-Quran
- iii. Podcast: "Membina Ummah Rahmah"
- iv. Sesi "Empowering Global Muslim Communities"
- v. Selawat Munajat
- vi. Bacaan doa keberkatan awal tahun 2026

Sesi Pagi 1 Januari 2026 (Khamis)

- i. Qiamullail (bermula 4.45 pagi) yang diimamkan oleh Ustaz Muhammad Ammar Mukhlis bin Abdul Mohsin (Qari dan pendakwah)
 - ii. Forum Subuh bertajuk Islam Mekar di Bumi Malaysia: Apa peranan kita?
 - iii. Penyampaian Sumbangan Kepada Asnaf
 - iv. Sarapan pagi secara beramai-ramai
4. Selaras dengan semangat kesyukuran dan keprihatinan sosial, program ini turut menyantuni golongan yang memerlukan melalui penyampaian sumbangan kepada 100 orang asnaf. Dalam usaha ini, pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) akan menyalurkan bantuan tunai sebanyak RM200 kepada setiap penerima, manakala MyFundAction pula menyumbangkan bakul makanan asas. Inisiatif **MADANI Membantu** ini diharapkan dapat sedikit sebanyak meringankan beban golongan asnaf, di samping menyemai rasa syukur serta memberikan sinar harapan dalam menyambut kehadiran tahun baharu.
 5. Bagi memastikan keselesaan jemaah dan para peserta, jamuan makanan terbuka bakal disediakan kepada semua hadirin. Secara keseluruhannya, sebanyak 10 jenis menu disediakan, merangkumi hidangan berat, hidangan ringan serta minuman panas dan sejuk sepanjang program berlangsung.
 6. Selain itu, para pengunjung yang hadir berpeluang menerima hadiah istimewa sebagai tanda penghargaan penganjur. Lebih daripada itu, hadirlah lebih awal untuk **menghidupkan malam dengan qiamullail**, menginsafi diri, mendekatkan hati kepada Allah SWT serta memohon keberkatan dan kekuatan jiwa dalam menempuh hari-hari mAendatang.
 7. Justeru itu, saya dengan ini menjemput semua masyarakat khususnya yang berada di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wialayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di negeri-negeri berhampiran untuk hadir beramai-ramai ke Masjid Putra, W.P. Putrajaya pada 31 Disember 2025 hingga 1 Januari 2026 bermula jam 3.00 petang hingga 9.00 pagi (keesokan harinya). **Rakan-rakan media juga diundang untuk hadir membuat liputan program ini pada tarikh, masa dan lokasi yang telah dinyatakan dan dipohon jasa baik untuk menguar-uarkan berkaitan penganjuran program ini.**

Sekian, terima kasih.

DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE
KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

